

ISU-ISU KHILAFIAH DALAM MEMUJI NABI MENURUT PERSPEKTIF QIAS SHABAH

NIK MOHD SOFA'URRAHMAN BIN NIK MOHD ROSDI¹
ABDUL KARIM BIN ALI²
SYED MOHD JEFFRI BIN SYED JAAFAR³

ABSTRAK

Qias Shabah adalah satu instrumen yang penting dalam perbincangan Qias. Ketidakpedulian terhadap instrumen ini akan membawa kepada ketidakcaknaan terhadap perbincangan penting di dalam hukum-hukum yang berkaitan dengan syariat Islam dan seterusnya boleh mengundang kepada kekeliruan dalam memahami sesuatu isu tertentu. Isu-isu khilafiah di Malaysia sudah menjadi suatu polemik yang perlu dibendung dan dikawal. Isu memuji Nabi Muhammad sallallahu`alaihi wasallam adalah diantara isu yang hangat diperselisihkan dalam kalangan agamawan di Malaysia. Antara punca yang menjadi titik perselisihan adalah perbezaan sudut pandang yang dilihat menerusi nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Justeru itu, Penyelidikan ini menggunakan metode kajian yang berbentuk kualitatif dan menggunakan metode perpustakaan, kaedah pensejarahan dan kajian kes dalam pengumpulan data bagi merealisasikan objektif kajian yang ingin dicapai. Perbincangan Qias Shabah ini menjadi teori yang penting sekaligus dapat menggariskan satu disiplin dalam isu-isu khilafiah dan merungkakan sudut pandang yang dilihat oleh setiap pihak yang kemungkinan terdedah kepada kesilapan dan kelalaian dalam mengambil persamaan qias.

Kata kunci: Qias Shabah, isu-isu khilafiah, berlebihan dalam memuji Nabi, asbab Ikhtilaf al-Fuqaha.

PENDAHULUAN

Ilmu Usul Fiqh adalah sesuatu ilmu yang sangat penting dalam memahami nas-nas Syariat samada dalam mengeluarkan hukum atau dalam memberi disiplin ilmu kepada semua bidang yang berkait dengan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah seperti ilmu akidah, syariah dan perbincangan tasawwuf. Antara perbincangan yang penting dalam ilmu usul fiqh adalah perbincangan Qias. Qias ini adalah sumber sekunder kepada syariat Islam selepas al Quran dan al-Sunnah dan ijma'. Peranannya terhadap nas-nas al-Quran dan al-Sunnah adalah penerang dan perungkai lafaz-lafaz daripada nas-nas syariat. Ijma ulama menerima Qias ini walaupun terdapat khilaf akan tetapi khilaf yang berlaku hanyalah pada lafaz. Namun di sana terdapat ulama yang tidak menerimanya seperti Ibn Hazm. Akan tetapi terdapat ulama yang tidak mengira khilafnya sebagai khilaf.

Qias Shabah adalah salah satu perbincangan di dalam bab Qias ini. Ia merupakan salah satu metodologi dalam membentuk `illah-`illah daripada nas-nas atau isu-isu tertentu. Qias secara *al-Shabah* ini adalah salah satu perbincangan penting di dalam bab *al-Qias*. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam menerimanya sebagai ilmu yang boleh diguna pakai untuk pengeluaran hukum. Penulis kepada kitab *al-Ibhaj Sharah Minhaj* telah mendefinisikan *Qias al-Shabah* sebagai "suatu jenis sifat yang seiringan dengan hukum tertentu yang sesuai dengannya daripada sudut sampingan bukan pada zatnya, atau boleh

¹ Calon Sarjana, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur. s2122523@siswa.um.edu.my, +60133236105 (Penulis).

² Prof. Madya, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, abdkarim@um.edu.my, +60 12-376 0961.

³ Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, syedjeffri89@um.edu.my, +60 19-933 0572.

dikatakan dengan sifat yang lazim dengan sesuatu yang bersesuaian dengannya seperti yang dinukilkan daripada Qadi al-Baqilani. Dinukilkan juga daripada kitab *Mukhtasar al-Taqrīb Wa al-Irsyād* bahawa penulis telah mendefinisikan *Qias al-Shabah* itu sebagai suatu proses memasukkan persoalan cabang ke dalam persoalan yang asal, hal ini disebabkan banyaknya persamaan persoalan cabang dengan yang asal dengan syarat tidak mengangap *`illah* yang menghubungkan antara kedua-duanya itu bukan *`illah* hukum persoalan asal”⁴.

Menerusi kefahaman terhadap *Qias al-Shabah* itu, pengkaji telah berhasrat untuk membuat suatu kajian yang mengaitkan *Qias al-Shabah* ini di dalam permasalahan semasa. Pengkaji telah meneliti beberapa tesis atau jurnal yang telah menumpukan perbahasannya di dalam perbahasan *Qias al-Shabah*. Menerusi pelbagai jalur idea kajian yang telah dilontarkan oleh pelbagai pengkaji telah membenihkan kepada pengkaji satu idea untuk membawa tajuk berkaitan dengan *Qias al-Shabah* terhadap isu memuji nabi di dalam masyarakat melayu yang disampaikan oleh para agamawan Malaysia di dalam isu-isu khilafiah mereka. Jadi, pengkaji telah berhasrat untuk mengarahkan perbahasan tesis pada isu-isu khilafiah para ilmuan menurut perspektif *Qias al-Shabah*.

PERBINCANGAN

Perbincangan Qias Shabah Dan Praktikalnya

Ulama mentakrifkan *Qias al-Shabah* sebagai sesuatu situasi persamaan di antara isu cabang dengan dua atau lebih asal. Namun, mereka ini tidak menyempurnakan takrif tersebut sehingga ke akhir proses tersebut. Cara pentakrifan ini telah diberikan oleh Abu Ishak al-Shirazi, Ibn Qudamah dan al-Mawardi dan al-Ruyani. Mereka ini tidak menyatakan pada pengakhiran pendefinisian tersebut dengan proses memberatkan mana-mana asal yang sesuai dengan isu cabang tersebut. Definisi ini lebih dilihat ringkas dan memadai untuk membezakan dengan setiap qias yang lain. Walaupun berlaku persamaan di antara mereka cara pendefinisian ini, namun mereka tetap berbeza daripada beberapa sudut. Jika dilihat cara pendefinisian al-Zarkashi yang lebih mengarahkan pendefinisiannya itu kepada perbuatan mujtahid. Manakala, Ibn Qudamah, al-Mawardi serta al-Ruyani lebih melihat daripada sudut hakikat gambaran qias tersebut daripada sudut luaran. Mereka juga berbeza daripada sudut menyatakan sudut persamaan di antara asal dan cabang.

Ibn Qudamah, al-Mawardi serta al-Ruyani tidak menyatakan jumlah persamaan tersebut, akan tetapi mereka hanya mengisyaratkan dengan perkataan “kemungkinan” atau “seumpama”. Pentakrifan al-Amidi, Qadi Abu Ya’la, Qadi Ya’qub serta Ibn ‘Aqil, lebih terperinci dan ia lebih panjang. Manakala, pentakrifan yang diberikan oleh Qadi al-Baqillani yang bersifat dua sudut kefahaman itu, lebih bersifat pendefinisian bentuk hakikat persamaan antara persoalan cabang dan asal. Beliau juga telah mengatakan sifat atau *al-Wasfu* yang menjadi titik persamaan itu yang berlaku di dalam *Qias al-Shabah* adalah bersifat kelaziman kepada hukum, bukan pada zat hukum itu sendiri. Pendefinisian menurut sudut kedua itu, dilihat tidak bersesuaian dengan hukum sama ada ia terbit daripada nas yang mana persamaan kedua-dua (asal dan cabang) itu dilihat pada jenis

⁴ Taqiuddin al-Subki dan anaknya Taj al-Subki, *al-Ibhaj Sharh al-Minhaj*, ed. Sha’ban Muhammad Ismail. al-Qahirah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyah, 1981. 3:67.

ciri-cirinya yang dekat di antara satu dengan yang lain. Jika salah satu daripada sudut *wasfu* itu diberatkan, maka ia dipanggil dengan *Ghalabah al-Ashbah*. Sebab itulah, al-Baqillani menolak *Qias al-Shabahain* kerana pendefinisannya itu merujuk kepada *Qias al-Dalalah* atau qias pada gambaran. Definisi yang lebih menyeluruh dan ringkas yang dipilih oleh penulis adalah definisi yang diberikan oleh Abu Zakariya al-Ansori dalam mendefinisikan *Qias Ghalabah al-Ashbah* iaitu memasukkan isu cabang yang berbolak-balik di antara dua asal yang mana salah satunya lebih dilihat tepat untuk disamakan pada hukum dan sifat⁵. Cara pengkategorian *Qias al-Shabah* menurut al-`Amidi sangat terperinci dan jelas. Pengkategorian menurut ulama yang lain tidaklah bertentangan dengan yang lain, ia hanyalah berbeza pada sudut perincian.

Kesimpulan kepada perbezaan pendapat terhadap penghujahan *Qias al-Shabah* adalah mereka berbeza pendapat dalam meletakkan hakikat *Qias al-Shabah*. Mereka berbeza pendapat dalam memahami perkataan imam-imam mazhab. Perbezaan mereka juga berlaku disebabkan oleh perbezaan pengkategorian qias. Abu Bakar al-Baqillani menolak *Qias al-Shabah* atas dasar sifatnya yang berbolak-balik di antara *munasib* dan *al-Tardi*. Namun, beliau tetap menerima *Qias al-Shabah* yang diberatkan salah satu asalnya sehingga menjadi *Qias Ghalabah al-Ashbah*. Ada pendapat yang menolak *Qias al-Shabah* ini atas dasar kesamarannya dan kesangkaannya yang rendah. Hal ini disebabkan oleh perbezaan pendefinisian *Qias al-Shabah*. Perbezaan secara hakikat jelas berlaku seperti perbezaan Hanafiah yang hanya menerima dua *al-Shabah* untuk diamalkan. Penulis kepada al-Ibhaj telah menyimpulkan pendapat ulama terhadap *aulawiyat Qias al-Shabah* pada hukum atau sifat dan gambaran ini kepada tujuh pendapat. Pendapat pertama, mengatakan bahawa kedua-duanya adalah batil. Pendapat kedua, mengatakan bahawa ia diterima pada hukum dahulu kemudian pada gambaran. Pendapat ketiga, menganggap ia diterima secara selari dan sama. Pendapat yang keempat, pula hanya menerimanya pada hukum. Pendapat kelima, menerimanya pada gambaran sahaja. Kemudian, pendapat keenam menganggap bahawa kedua-dua itu tidak boleh dipisahkan iaitu ia mesti selari secara kelaziman. Seterusnya yang terakhir berpendapat bahawa ia diterima apabila *al-Shabah* itu sudah menjadi *`illah* iaitu *Qias `Illiyah al-Ashbah*⁶.

Praktikal Para Ulama Dengan Metodologi Qias Shabah

Antara permasalahan yang menggunakan *Qias al-Shabah* sebagai platform kepada pengeluaran hukum adalah dalam permasalahan nafkah suami kepada isteri. Persamaan dalam kes ini melibatkan akad hibah dan akad pertukaran. Sekiranya diambil persamaan kes ini seperti akad hibah, maka nafkah tersebut dikira tergugur jika suami itu mati sebelum isteri menerima nafkah tersebut. Manakala, akad pertukaran pula, tidak tergugur nafkah selepas kematian suami walau isteri belum menerima nafkah tersebut. Jadi, dua *al-Shabah* tersebut berlaku pertembungan.⁷

Contoh lain adalah permasalahan batal solat jenazah bagi makmum yang terlewat dalam mengikuti imam dengan kadar keterlewatan yang keterlaluan. Mazhab Shafi'i telah

⁵ Zakariya Bin Muhammad Bin Ahmad Bin Zakariya al-Ansari. *Ghayah al-Wusul Fi Sharh Lub al-Usul*. Misr: Dar al-Kutub al-`Arabiah al-Kubra. 1:132.

⁶ Taqiyudin & Tajuddin al-Subki. "al-Ibhaj Fi Sharh al-Minhaj". 3:69.

⁷ Abu Bakar bin Mas`ud bin Ahmad al-Kasani. *Badai' al-Sanai' Fi Tartib al-Sharai'*, ed. `Ali Muhammad Mu`awwadh dan `Adil Ahmad `Abd al-Maujud. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiah, 2003. 5: 165.

mengqiaskan permasalahan ini dengan keadaan dalam solat fardu. Bagi mereka yang terlalu lewat dalam mengikut imam maka terbatal solatnya jika tidak ada keuzuran seperti bacaannya yang lambat, terlupa dan seumpama dengannya.⁸ Permasalahan keterlewatan dalam mengikut imam tidak ada dalil yang jelas dalam menghadkan kadar yang membatalkan. Rasulullah *sallallahu`laihi wasallam* hanya mengumumkan kaedah dalam isu mengikut imam, seperti dalam hadis yang berbunyi:

إنما جُعِلَ الإمام ليؤتَمَّ به، فلا تختلفوا عليه، فإذا كبر فكبروا، وإذا ركع فاركعوا، وإذا قال: سمع الله لمن حمده، فقولوا: ربنا ولك الحمد. وإذا سجد فاسجدوا، وإذا صلى جالساً فصلوا جلوساً أجمعون⁹

Terjemahannya: Sesungguhnya satu-satunya tugas mengikut imam itu adalah supaya diikuti perbuatannya. Maka, janganlah menyalahi perbuatannya. Apabila imam bertakbir, maka takbirlah mengikutinya, apabila imam rukuk maka rukuklah bersamanya, dan apabila imam mengatakan *sami`allahuliman hamidah*, maka berkatalah *rabbana walakalhamd*. Apabila sujud pula, maka sujudlah bersamanya. Apabila imam solat secara duduk maka solatlah secara duduk.

Ciri-ciri *Qias al-Shabah* dalam permasalahan ini ada dua peringkat. Peringkat pertama, mengistinbatkan `illah membatalkan solat jika terlambat satu rakaat. Peringkat kedua pula, mengqiaskan satu takbir dalam solat jenazah menyamai satu rakaat dalam solat yang lain. Ciri-ciri *Qias al-Shabah* dalam isu ini juga diambil daripada persamaan pada sifat pembacaan dalam solat jenazah yang terpisah daripada takbir kepada takbir yang seterusnya. Maka, ia menyamai keterpisahannya dengan rakaat di dalam solat fardu. Oleh itu, terbatal solat jenazah dengan kelewatan satu takbir di dalam solat jenazah.

Contoh lain lagi adalah dalam permasalahan *al-Kumbiyalah*. *Al-Kumbiyalah* ini ialah pertukaran bil menurut terma semasa. Ia adalah sesuatu sukuk atau kumpulan hutang yang ditulis atau dihasilkan mengikut kepada undang-undang tertentu yang mana ia mengandungi perintah yang dikeluarkan oleh seseorang individu yang dinamakan dengan *al-Sahib* atau pemilik akaun, untuk ditujukan kepada individu yang bertugas sebagai perantara (*al-Mashub`alaih*) sama ada bank atau seumpamanya. Lantaran itu, supaya pihak bank mengeluarkan wang tertentu bagi mereka yang melihatnya atau pada tarikh yang ditetapkan atau individu tertentu (*al-Mustafid*)¹⁰.

Pertukaran bil ini mempunyai persamaan dengan tiga asal permasalahan. Ada pendapat yang mengatakan ia seperti kontrak hutang. Ada pendapat mengatakan bahawa ia seperti

⁸Syamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syirbini al-Shafi'i. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma`rifah Ma`ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiah, 2000. 2:25.

⁹ Malik bin Anas bin Malik Bin `Amir al-Asbahi al-Madani. *Muwatta' al-Imam Malik*, ed. Muhammad Fuad `Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi, 1985. 1:135.

¹⁰ Muhammad `Othman Shubair. *al-Mu`amalat al-Maliyah al-Mu`asirah Fi al-Fiqh al-Islami*. Amman: Dar al-Nafais, 2007. 240.

kontrak *suftajah*¹¹ dan ada yang berpendapat lain seperti kontrak *al-Hawalah*^{12,13}. Kontrak *suftajah* mempunyai persamaan pada proses yang terlibat di dalamnya iaitu membayar kepada wakil seseorang untuk dijadikan hutang dengan tujuan untuk mengambilnya di tempat lain. Perbezaannya adalah pada keumuman *suftajah* ini yang melibatkan hutang barangan dan duit. Manakala, *al-Kumbiyalah* hanya melibatkan duit. Perbezaannya juga dilihat pada tujuan penghutangan *suftajah* tersebut adalah untuk mengurangkan risiko perpindahan harta ke tempat lain. Persamaannya pula dengan kontrak *al-Hawalah* adalah pada proses juga iaitu *al-Muhal*¹⁴ (disisi *hawalah*) mewakili *al-Sahib* (disisi *al-Kumbiyalah*). *Al-Muhal`alaih*¹⁵ mewakili *al-Mashub`alaih* di dalam *al-Kumbiyalah*. Kemudian yang terakhir, *al-Muhal*¹⁶ itu mewakili *al-Mustafid* dan *al-Muhal bihi* mewakili duit yang dipindahkan tersebut. Tetapi di sana tetap terdapat perbezaan iaitu pada keadaan *al-Mashub`alaih*. Sekiranya *al-Mashub`alaih* itu mempunyai hutang kepada *al-Sahib*, maka ia mempunyai persamaan antara kedua-dua akad tersebut. Sekiranya *al-Mashub`alaih* tidak mempunyai perkaitan hutang, maka ia menjadi akad *wakalah*.

Persamaannya dengan akad hutang¹⁷ adalah kerana setiap daripada perpindahan pihak tersebut mempunyai ikatan hutang dan perbezaannya sekiranya ikatan antara *al-Mashub`alaih* dan *al-Sahib* tersebut ikatan wakil, maka terputus hubungan kad hutang pada sudut ini. Walaupun ketiga-ketiga asal tersebut tidak dapat dirajihkan kerana masih terdapat sudut perbezaan, namun masih boleh dirajihkan pada keadaan yang membolehkan iaitu apabila hubungan kesemua pihak tersebut adalah hubungan penghutangan.

Definisi Isu Khilafiah Memuji Nabi Dan Situasinya Di Malaysia

Isu memuji Nabi adalah pada perbincangan menggunakan lafaz tertentu yang mempunyai persamaan dengan lafaz yang digunakan ketika berhubung dengan Allah. Persoalan yang menjadi titik perbincangan adalah persoalan, adakah lafaz pujian kepada Baginda Nabi boleh digunakan dengan lafaz yang digunakan untuk Allah? Definisi pujian kepada Nabi menurut konteksnya di Malaysia adalah seperti mana persoalan di atas. Definisi pujian kepada Nabi adalah lebih umum dan luas maksudnya. Di sana terdapat pujian yang disebut dengan berlebihan di dalam pujian. Had lebih dalam pujian Nabi menjadi definisi pujian kepada Nabi yang dimaksudkan dalam bab ini. Perbincangan ini juga terhasil daripada hadis Nabi yang berbunyi:

¹¹ Suftajah itu bermaksud sesuatu proses perpindahan harta yang mana pemihutang itu memberi pinjaman kepada seseorang individu yang berada di negara lain atau bandar lain, dengan mngambil pinjaman tersebut daripada penghutangnya yang lain atau perantaranya di tempat lain. Rujuk Abu Muhammad Mahmud Bin Ahmad Badruddin al-`Aini al-Hanafi. *al-Binayah Sharh al-Hidayah*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiah, 2000. 8:492.

¹² Al-Hawalah bermaksud: kontrak yang menunjukkan perpindahan sesuatu hutang daripada tanggungjawab hutang individu kepada tanggungjawab hutang individu lain. Rujuk al-Ramli. "Nihayah al-Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj". 4:421.

¹³ Sa'ad bin Turki al-Khaslan, *Fiqh al-Mu`amalat al-Maliah al-Mu`asirah* (Riyad: Dar al-Sumai`I Li al-Nasyr Wa al-Tauzi', 2012), 75.

¹⁴ Penghutang. Rujuk Muhammad bin Ibrahim Bin Abdullah, "Mausu`ah al-Fiqh al-Islami" (Bait al-Afkar al-Dauliah, 2009), 3:517

¹⁵ Individu yang mempunyai hutang dengan al-Muhal. Rujuk *ibid.*, 3:517.

¹⁶ Pemihutang. Rujuk *ibid.*, 3:517.

¹⁷ Memberikan sesuatu harta kepada individu yang memanfaatkannya dan dikembalikan semula kerana Allah. Rujuk *ibid.*, 3:495.

لا تطروني، كما أطرت النصارى ابن مريم، فإنما أنا عبده، فقولوا عبد الله، ورسوله¹⁸

Terjemahannya: Jangan melebihi had di dalam memujiku atau jangan memujiku secara batil sepertimana yang dilakukan golongan Nasrani terhadap Nabi Isa. Sesungguhnya hanyasanya aku adalah hambaNya maka katakanlah hamba Allah dan RasulNya.

Hadis di atas menjadi akar kepada perbincangan isu ini. Menurut hadis ini, telah berlaku perbezaan pendapat dalam meletakkan had pujian terhadap Baginda Nabi Muhammad sallallahu`alaihi wasallam. Oleh itu, definisi kepada bahagian isu ini adalah persoalan memuji Nabi dengan pujian yang berlebihan dalam bentuk pertuturan atau penulisan. Bab pujian kepada Nabi bermula daripada pengarang para sahabat dalam bentuk syair yang mengandungi lafaz-lafaz pujian kepada Nabi. Bait-bait syair ini mempunyai dua jenis. Ada yang disebut dengan al-Badi'iyat yang bermaksud syair-syair yang digubah dalam bentuk bait-bait besar yang disulami dengan uslub ilmu Badi' yang lebih unik. Bait syair yang berbentuk madah Nabawi merupakan syair yang memuji Nabi tanpa disulami dengan bahasa-bahasa Badi'. Antara syair yang dibuat oleh para sahabat untuk memuji Baginda adalah syair yang dibuat oleh Ka`ab bin Zuhair, dan Hassan bin Thabit¹⁹. Antara syair yang telah digubah oleh Hassan bin Thabit adalah syair pujiannya kepada Nabi tentang kecantikan rupa paras Nabi dan akhlak Baginda. Syairnya berbunyi:

وأحسن منك لم تر قط عيني ... وأجمل منك لم تلد النساء
خلقت مبراً من كل عيب ... كأنك قد خلقت كما تشاء²⁰

Terjemahannya: keindahan kamu ini tidak pernah dilihat oleh mata... dan kecantikan kamu tidak dilahirkan oleh wanita. Kamu telah diciptakan dalam keadaan suci daripada segala `aib... seakan-akan kamu diciptakan mengikut kehendak dan keinginan kamu.

Situasi Isu Memuji Nabi di Malaysia

Isu ini pernah menjadi perbualan hangat dalam kalangan agamawan seperti isu memuji Nabi dengan perkataan "Madad Ya Rasulullah". Antara jawapan yang diberikan oleh agamawan yang tidak bersetuju adalah mereka menyebut "perkataan ini biasa disebut oleh golongan Syiah". Perkataan ini juga disebut oleh golongan sufi yang melampau. Mereka menyebut perkataan "ghauth". Beliau juga mengatakan bahawa meminta pertolongan hanya kepada Allah. Beliau telah mengungkapkan dalil daripada surah al-Fatihah yang bermaksud: "Hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan". Beliau juga merujuk kepada hadis yang diriwayatkan daripada Ibn `Abbas yang menceritakan mengenai nasihat Nabi kepadanya supaya meminta tolong kepada Allah^{21,22}.

¹⁸ Al-Bukhari. "Sahih al-Bukhari", 4: 167 (Kitab Ahadith al-Anbiya', Bab Qaul Allah {Wadhkur Fi al-Kitab Maryam Idhi Intabazat Min Ahliha}, No. 3445).

¹⁹ Abd al-Ghani bin Isma'il al-Nablusi, "Nafhat al-Azhar `Ala Nasamat al-Ashar Fi Madh al-Nabi al-Mukhtar", ed. Ahmad Farid al-Mazidi, (Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiah, t.t), 1:37.

²⁰ Mahmud Salim Muhammad, "al-Madaih al-Nabawiyah Hatta Nihayah al-`Asr al-Muluki" (Dimasyq: Dar al-Fikr, 1417), 1:214.

²¹ Geng Muslim, "Sebutan 'Madad Ya Rasulullah' (Bantulah Kami Ya Rasulullah) - Dr. Maza", laman sesawang *Youtube*, dimuatkan pada 31 Ogos 2018, diakses pada 11 Ogos 2022

²² Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, ed. Shu`aib al-Arnaut-`Adil Murshid, et al., (t.t.p: Muassasah al-Risalah, 2001), 4:409 (Musnad `Abdullah bin al-`Abbas bin Abd al-Muttalib `An al-Nabi Sallallahu`alaihi wasallam, no. 2669).

Terdapat agawaman lain juga telah merespon isu ini, dengan mengatakan bahawa meminta pertolongan yang dimaksudkan oleh peminta tersebut adalah meminta daripada si mati. Maka ia adalah perbuatan yang kufur tanpa syak lagi. Sekiranya yang dikehendaki daripada “al-Madad” tersebut dengan maksud bertawassul, maka ia tidak jatuh kepada kekufuran akan tetapi ia merupakan pentakwilan yang jauh. Beliau juga mengatakan bahawa perkataan tersebut tidak jelas, maka lebih baik ditinggalkan. Beliau mengatakan bahawa pandangan ini adalah dinukilkan daripada ‘Abd al-Malik Sa’di. Agawaman ini berpendapat supaya ditinggalkan perkataan yang khilaf²³. Ada agawaman yang telah merespon isu perkataan “Aghisna Ya Rasulallah”. Beliau mengatakan bahawa meminta pertolongan dengan Rasulallah ketika Baginda hidup adalah harus dan sesiapa yang menolaknya maka dia telah jatuh kepada kafir. Ulama khilaf hukum bertawassul ketika Baginda sudah wafat. Beliau mengatakan boleh untuk meminta dengan Baginda walaupun sudah wafat dengan cara bertawassul. Seperti mana dibolehkan untuk meminta syafaat Nabi ketika dalam doa selepas azan, maka seperti itulah dibolehkan untuk meminta ketika waktu lain walaupun sudah wafat. Begitu juga seperti mana dibolehkan meminta pertolongan di mahsyar nanti²⁴.

Terdapat seorang agawaman telah merespon isu perkataan “Madad Ya Rasulallah” dengan mengatakan bahawa percakapan tersebut boleh menjejaskan akidah. Perkataan ini biasanya disebut oleh golongan sufi yang melampau. Beliau juga menyebut bahawa permintaan tolong hanya kepada Allah dan percakapan ini sebenarnya hasil daripada pemikiran bertawassul dan istighasah dengan orang yang telah meninggalkan²⁵.

Perbincangan Ulama Dalam Isu Memuji Nabi

Perbincangan dalam isu ini, pengkaji mengutarakan dua pendapat utama. Pendapat pertama ialah pendapat yang menghadkan pujian hanya pada perkataan yang tidak berbaur tanda ketuhanan. Semua ulama mengharuskan pujian ke atas Nabi, bahkan pujian tersebut sangat digalakkan. Namun, terdapat pendapat yang menghadkan pujian tersebut pada kerangka perkataan iaitu tidak boleh menyifatkan Baginda seperti mana disifatkan kepada Allah secara mutlak. Mereka telah berdalilkan kepada hadis yang telah dibincangkan sebelum ini iaitu hadis riwayat `Umar bahawa beliau mendengar Nabi bersabda:

لا تطروني، كما أطرت النصارى ابن مريم، فإنما أنا عبده، فقولوا عبد الله، ورسوله²⁶

Terjemahannya: Jangan melebihi had di dalam memujiku atau jangan memujiku secara batil sepertimana yang dilakukan golongan Nasrani terhadap Nabi Isa. Sesungguhnya hanyasanya aku adalah hambaNya maka katakanlah hamba Allah dan RasulNya.

²³ Congress of Ahlul Sunnah, “Dr. Rozaimi Ramle - Hukum al-Madad, Fatwa Sheikh ‘Abdul Malik as-Sa’di”, laman sesawang *Youtube*, dimuatkan pada 21 Oktober 2015, diakses pada 11 Ogos 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=ZzaxIwEDmNM>.

²⁴ Muhaizad Official, “Aghisna Ya Rasulallah SYIRIK? - Muhaizad Muhammad”, laman sesawang *Youtube*, dimuatkan pada 3 Jun 2021, diakses pada 11 Ogos 2022, https://www.youtube.com/watch?v=VWzu_2wQzc4.

²⁵ Prof Hamka, “Maulana Asri : Fenomena Madad Ya Rasulallah”, laman sesawang *Youtube*, dimuatkan pada 7 November 2014, diakses pada 11 Ogos 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=-OVXULn4vDk>.

²⁶ Al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, 4: 167 (Kitab Ahadis al-Anbiya’, Bab Qaul Allah {Wadhkur Fi al-Kitab Maryam Idhi Intabazat Min Ahliha}, No. 3445).

Antara mereka yang berpendapat seperti ini adalah Ibn Taimiah. Beliau telah mengatakan bahawa sesiapa yang memberikan sedikit nisbah persangkaan ketuhanan sama ada daripada sudut uluhiyah atau rububiyah ke atas Baginda Nabi sallallahu'alaihi wasallam, maka pujian tersebut telah dikategorikan sebagai pujian Nasrani ke atas Nabi `Isa ²⁷. Mereka juga berdalilkan dengan hadis yang menyatakan bahawa Baginda Nabi telah mendengar perkataan yang disebut oleh hamba-hamba wanita: “Di sisi kami seorang Nabi yang mengetahui perkara yang berlaku keesokkan hari”. Lalu Baginda mengatakan kepada al-Rabi’ binti Mu`awwiz: “Tinggalkan atau biarkanlah wahai wanita dan katakanlah sesuatu yang kamu katakan ²⁸.

Isma`il bin Abdu al-Ghani memberi sedikit ulasan mengenai hadis ini dengan mengatakan bahawa tidak benar akidah seseorang itu apabila mereka beriktikad bahawa pada Nabi , Wali , Imam atau Shahid kemampuan untuk mengetahui perkara ghaib ²⁹. Ibn Baz juga menyebut di dalam fatwanya bahawa memuji Baginda dan para wali dengan menyebut pertolongan kepada mereka atau mengetahui perkara ghaib adalah satu kesyirikan yang besar ³⁰. Ibn `Uthaimin juga mengatakan bahawa perkataan pujian yang menyebut mengenai pengetahuan Nabi tentang ilmu ghaib adalah suatu kesyirikan yang sangat besar. Beliau telah menukilkan dan mengkritik perkataan al-Busiri di dalam qasidah yang menyebut: “Daripada `ilmu-ilmu kamu adalah ilmu Luh Mahfuz dan Qalam ³¹ .

Mereka juga menggunakan dalil daripada hadis bahawa sahabat Nabi yang bernama Abdullah bin Shikhkhir telah berkata: “Kamu wahai Rasulullah adalah penghulu kami”. Lalu Baginda Nabi bersabda: al-Sayyid itu adalah Allah. Selepas itu, sahabat tersebut meneruskan lagi bicaranya dengan berkata: “Bahawa kamu adalah yang paling afdal dan paling agung”. Kemudian Baginda Nabi menjawab: “Berkatalah dengan perkataan kamu, atau sebahagian daripada kamu, dan jangan kamu dikalahkan oleh syaitan dan mereka menjadikan kamu sebagai jalan-jalannya ³².

Terdapat pendapat mereka yang menerima penggunaan perkataan yang mempunyai unsur ketuhanan yang disyirikkan oleh pendapat pertama seperti perkataan mengetahui perkara ghaib. ‘Abd al-Qadir Hussain telah memberi ulasan ke atas kenyataan al-Busiri dengan mengatakan bahawa pengetahuan Allah memang tiada tandingan dengan pengetahuan makhluk. Namun begitu, seseorang perlu mengetahui bahawa Nabi adalah insan yang paling mengetahui dalam kalangan makhlukNya. Perkataan “pengetahuan Nabi terhadap

²⁷ Ahmad Ibn Taimiah al-Harani, “Majmu’ al-Fatawa”, ed. Abdurrahman bin Muhammad, 1:66.

²⁸ Al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, 7: 19 (Kitab al-Nikah, Bab Darb al-Daf Fi al-Nikah Wa al-Walimah, No. 5147).

²⁹ Isma`il bin `Abd al-Ghani bin Waliyullah bin Abdurrahim al-Dahlawi, “Risalah al-Tauhid al-Musamma Bi Taqwiyah al-Iman”, ed. Syed Abd al-Majid al-Ghuri, (Dimasyq: Dar Wahy al-Qalam, 2003), 1:108.

³⁰ Al-Riyasah al-`Ammah Li Idarah al-Buhuth al-`Ilmiah Wa al-Ifta’ Wa al-Dakwah Wa al-Irshad, “Fi Hukm al-Ihtifal Bi al-Mawalid al-Nabawiyah Wa Ghairiha”, laman sesawang Binbaz, diakses pada 22 Ogos 2022, <https://binbaz.org.sa/fatwas/20/%D9%81%D9%8A-%D8%AD%D9%83%D9%85-%D8%A7%D9%84%D8%A7%D8%AD%D8%AA%D9%81%D8%A7%D9%84-%D8%A8%D8%A7%D9%84%D9%85%D9%88%D8%A7%D9%84%D8%AF-%D8%A7%D9%84%D9%86%D8%A8%D9%88%D9%8A%D8%A9-%D9%88%D8%BA%D9%8A%D8%B1%D9%87%D8%A7>.

³¹ Fatawa Nur `Ala al-Darb, “Hukmu al-Qasaid Allati Fiha Mad al-Nabi sallallahu'alaihi wasallam”, laman sesawang bin Othaimin, diakses pada 22 Ogos 2022, <https://binothaimin.net/content/6738>.

³² Abu Daud Sulaiman bin al-Ash`ath, “Sunan Abi Daud”, ed. Shu`aib al-Arnaut, 7:184 (Kitab al-Adab, Bab Fi Karahiyah al-Tamadih, no. 4806).

perkara ghaib” tidak menafikan ayat pengetahuan Allah yang mutlak. Ayat al-Quran itu menggunakan manhaj salb al-`Umum iaitu penafian yang tidak membawa kepada maksud penafian secara keseluruhan. Pengetahuan Allah bersifat mutlak akan tetapi pengetahuan makhluk bersifat berkait iaitu perlu diberitahu. Beliau telah mendatangkan hadis mengenai perjalanan Nabi pada malam Israk dan Mikraj yang mana Baginda bersabda: “...semua benda diperlihatkan kepada aku...”³³. Lauh dan Qalam juga termasuk dalam terma benda atau sesuatu. Beliau juga mengatakan bahawa Ibn Taimiah juga ada menceritakan mengenai perkara ghaib di dalam kitab Madarij al-Salikin³⁴.

Ahmad Sharif Na'san juga telah berpendapat bahawa pengetahuan Nabi mengenai alam ghaib, Lauh al-Mahfuz atau al-Qalam, bukan perkara yang pelik. Beliau mengatakan bahawa, ilmu Allah tidak terhad pada Lauh al-Mahfuz sahaja. Bahkan ilmu Allah tiada had dan batasan. Beliau telah berdalilkan hadis daripada Sunan Abi Daud bahawa Baginda bersabda melalui lisan `Ubadah bin al-Samit yang bermaksud: “Sesungguhnya makhluk yang awal diciptakan adalah pena”. Maka Allah memerintahkannya untuk menulis. Pena tersebut bertanya kembali mengenai bagaimana untuk aku menulis. Allah berfirman: “bahawa tulislah semua sukatan makhluk sampai hari kiamat”³⁵. Hadis yang kedua yang dirujuk adalah hadis daripada riwayat Muslim bahawa Huzaifah telah berkata bahawa Baginda tidak meninggalkan sesuatu pun untuk diceritakan pada martabatnya atau kedudukannya sehingga hari kiamat³⁶. Kedua-kedua hadis ini menunjukkan bahawa Baginda telah diperlihatkan sesuatu yang ditulis oleh Allah di dalam Lauh al-Mahfuz³⁷.

Mukhtar Muhsin al-Azhari yang merupakan pemegang amanah fatwa di Dar al-Ifta' al-Misriyah. Beliau telah menjawab isu ini seperti jawapan yang telah dijawab oleh Ahmad Sharif Na'san. Beliau berkata bahawa Nabi Muhammad merupakan penyebab kepada kebaikan sampai di dunia ini. Baginda merupakan pemberi syafaat kepada umatnya. Beliau juga merujuk kepada dalil daripada Riwayat Abu Daud yang bercerita mengenai penciptaan Qalam. Beliau juga mengatakan bahawa ilmu Allah itu tidak terhad. Sesiapa yang mengatakan ilmu Allah hanya pada kerangka Lauh al-Mahfuz sahaja, maka dia telah tersesat daripada kebenaran³⁸. `Ali Jum`ah juga mengulas isu ini dengan mengatakan bahawa huruf “Min” di dalam ayat bait qasidah al-Busiri menunjukkan bahawa salah satu daripada ilmu Baginda adalah ilmu Lauh dan Qalam. Ini merupakan penguat kata bahawa ilmu Lauh dan Qalam bukanlah ilmu Allah secara keseluruhannya³⁹.

³³ Al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, 9: 94 (Kitab al-I'tisam Bi al-Kitab Wa al-Sunnah, Bab al-Iqtida' Bi Sunan Rasulillah sallallahu`alaihi wasallam, no. 7287)

³⁴ “معنى قول البوصيري رحمه الله: ومن علومك علم اللوح والقلم”, الدكتور عبد القادر الحسين, laman sesawang Youtube, dimuatkan pada 9 Februari 2018, diakses pada 22 Ogos 2022, https://www.youtube.com/watch?v=UmVk_xXrTgo.

³⁵ Abu Daud Sulaiman bin al-Ash`ath, “Sunan Abi Daud”, ed. Shu`aib al-Arnaut, 4:225 (Kitab al-Sunnah, Bab Fi al-Qadr, No. 4700).

³⁶ Muslim al-Naisaburi, “al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar”, 4:2217 (Kitab al-Fitan Wa `Ashrat al-Sa`ah, Bab Ikhbar al-Nabi sallallahu`alaihi wasallam Fima Yakunu Ila Qiam al-Sa`ah, No. 2891).

³⁷ Ahmad Sharif al-Na'san, “Fainna Min Judika al-Dunia Wa Darrataha”, laman sesawang Ahmad Na'san Sharif, dimuatkan pada 30 Januari 2017, diakses pada 23 Ogos 2022, https://www.naasan.net/index.php?page=YWR2aXNvcnk=&op=ZGlzcGxheV9hZHZpc29yeV9kZXRhaWxzX3U=&advisory_id=NzgzNw==&lan=YXI.

³⁸ Mukhtar Muhsin al-Azhari, “Daf'u al-Shubuhah (4) Fa Inna Judaka al-Dunia Wa Darrataha”, laman sesawang Blogspot, diakses pada 23 Ogos 2022, <https://m-almored.blogspot.com/2017/03/4.html>.

³⁹ Amal Sami, “`Ali Jum`ah Yarud `Ala Man Yattahim Ba'd Abyat Burdah al-Busiri Bi al-Shirkiyyah: Faqadu al-Ta`ammuq Fi al-Lughah”, laman sesawang Misrawi, dimuatkan pada 6 Mei 2022, diakses pada 23

Ramai ulama yang telah memuji Burdah al-Busiri antaranya adalah Ibn Hajar al-Haitami. Beliau telah mengatakan bahawa burdah ini adalah antara bait syair yang paling terbaik dalam memuji Nabi sallallahu‘alaihi wasallam. Ia juga yang paling baik dalam mengupas mengenai keperibadian dan diri Nabi ⁴⁰. Perbahasan mengenai hukum mengucapkan “tolong kepada Nabi dengan kalimah Madad”, ulama yang berpendapat dibolehkan untuk menggunakan kalimah yang berunsur maksud permintaan kepada Allah mengatakan bahawa perlu untuk menghalusi terlebih dahulu maksud kalimah tersebut.

Terdapat beberapa pandangan di dalam membicarakan mengenai pujian al- Madad kepada Nabi. Ada pandangan yang mensyirikkan perbuatan tersebut kerana meminta pertolongan selain daripada Allah secara mutlak ⁴¹. Ada pendapat yang mengatakan bahawa sekiranya dia bermaksud untuk bertawassul maka dibolehkan. Tetapi pendapat ini menasihati supaya menjauhkan kalimah tersebut ⁴². `Uwaidah `Uthman yang merupakan Ahli di dalam Fatwa Dar al-Ifta’ al-Misriyah telah mengatakan bahawa dibolehkan dan tiada halangan dalam syariat kerana mereka yang menyebut perkataan tersebut berniat untuk meminta pertolongan daripada Allah dengan berkat Nabi Muhammad sallallahu‘alaihi wasallam. `Ali Jum`ah juga ada menyebut bahawa para wali Allah akan mendengar doa mereka yang bertawassul kepadanya berdasarkan kepada hadis-hadis yang diriwayatkan di dalam Sahih al-Bukhari. Muhammad ‘Abd al-Sami’ yang merupakan ahli di dalam Jabatan Fatwa tersebut juga menyebut bahawa maksud al-Madad yang dikehendaki adalah pertolongan daripada Nabi yang dizahirkan pertolongan tersebut melalui tangannya untuk sampai kepada Allah ⁴³.

Ogos 2022, <https://www.masrawy.com/islamayat/fatawa-other/details/2022/5/6/2220125/%D8%B9%D9%84%D9%8A-%D8%AC%D9%85%D8%B9%D8%A9-%D9%8A%D8%B1%D8%AF-%D8%B9%D9%84%D9%89-%D9%85%D9%86-%D9%8A%D8%AA%D9%87%D9%85-%D8%A8%D8%B9%D8%B6-%D8%A3%D8%A8%D9%8A%D8%A7%D8%AA-%D8%A8%D8%B1%D8%AF%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%A8%D9%88%D8%B5%D9%8A%D8%B1%D9%8A-%D8%A8%D8%A7%D9%84%D8%B4%D8%B1%D9%83%D9%8A%D8%A9-%D9%81%D9%82%D8%AF%D9%88%D8%A7-%D8%A7%D9%84%D8%AA%D8%B9%D9%85%D9%82-%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D9%84%D8%BA%D8%A9>

⁴⁰ Shihabuddin Ahmad bin Muhammad bin `Ali bin Hajar al-Haitami, *al-Minah al-Makkiyah Fi Sharh al-Hamziyah* (Beirut: Dar al-Minhaj, 2005), 69.

⁴¹ Ibn Baz, “Hukum Talab al-Madad Min al-Rasul”, laman sesawang BinBaz, diakses pada 24 Ogos 2022, <https://binbaz.org.sa/fatwas/2071/%D8%AD%D9%83%D9%85-%D8%B7%D9%84%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%AF%D8%AF-%D9%85%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%B1%D8%B3%D9%88%D9%84>.

⁴² Rabitah al-`Ulama al-Suriyin, “Hukmu Qaul: Madad Ya Sayyidi Ya Rasulallah”, laman sesawang Islamsyria, dimuatkan pada 28 November 2019, diakses pada 24 Ogos 2022, <https://islamsyria.com/ar/%D8%AD%D9%83%D9%85-%D9%82%D9%88%D9%84-%D9%85%D8%AF%D8%AF-%D9%8A%D8%A7-%D8%B3%D9%8A%D8%AF%D9%8A-%D9%8A%D8%A7-%D8%B1%D8%B3%D9%88%D9%84-%D8%A7%D9%84%D9%84%D9%87/%D8%A7%D9%84%D9%81%D8%AA%D8%A7%D9%88%D9%89>.

⁴³ Sada al-Balad, “Hal Yajuz Annaqul Madad Ya Rasulallah? Al-Ifta Tujib”, laman sesawang Elbalad, dimuatkan pada 3 Jun 2021, diakses pada 24 Ogos 2022, <https://www.elbalad.news/4838729#:~:text=%D9%88%D9%82%D8%A7%D9%84%20%D8%A7%D9%84%D8%B4%D9%8A%D8%AE%20%D8%B9%D9%88%D9%8A%D8%B6%D8%A9%20%D8%B9%D8%AB%D9%85%D8%A7%D9%86%20%D8%A3%D9%85%D9%8A%D9%86,%D8%A7%D9%84%D9%86%D8%A8%D9%8A%20%D8%B5%D9%84%D9%89%20%D8%A7%D9%84%D9%84%D9%87%20%D8%B9%D9%84%D9%8A%D9%87%20%D9%88%D8%B3%D9%84%D9%85>.

Kesimpulannya dalam isu ini, terdapat tiga pendapat secara umum. Ada pendapat yang melarang untuk memuji Baginda dengan perkataan yang berunsur maksud pujian khas kepada Allah dan mereka juga melarang untuk meminta pertolongan dengan Baginda Nabi dengan perkataan al-Madad. Ada pendapat yang membolehkan, namun menasihat supaya menjauhkan penggunaan terma tersebut. Ada pendapat yang membolehkan pujian kepada Nabi, walau berunsur maksud pujian khas kepada Allah. Hal ini tidak bercanggah dengan perinsip syariah kerana seseorang yang memuji Nabi dengan perkataan “yang mengetahui perkara ghaib” itu tidak melazimkan perbuatan tersebut mentuhankan Allah.


Implimentasi Qias Shabah di dalam isu Memuji Nabi

Isu ini mempunyai beberapa isu cabang. Antara isu cabang yang berkait dengan isu memuji Nabi adalah isu perkataan “Nabi mengetahui ilmu Lauh al-Mahfuz dan al-Qalam. Isu cabang yang kedua pula adalah isu memuji dengan perkataan “al-Madad”. Setiap isu cabang ini mempunyai beberapa isu asal-asal yang berbolak-balik di antara satu sama lain kerana masing-masing merebut persamaannya dengan isu cabang. Isu-isu asal tersebut adalah seperti berikut:

Qias al-Shabah Isu Nabi Mengetahui Ilmu Lauh al-Mahfuz Dan al-Qalam.

Isu Nabi mengetahui ilmu Lauh al-Mahfuz dan al-Qalam terdapat dua persoalan asal. Persoalan asal yang pertama yang mempunyai persamaan dengan isu cabang ini adalah isu pujian yang hanya layak dinisbahkan kepada Allah. Persoalan asal pujian yang layak untuk Allah mempunyai persamaan dengan cabang ini, adalah sudut pengetahuan alam ghaib yang dikhususkan ilmu tersebut kepada Allah berdasarkan ayat al-Quran dan hadis yang melarang daripada mentuhankan Nabi. Mereka yang menolak dan tidak menerima cabang tersebut menggunakan persoalan asal ini. Mereka yang menerima isu cabang ini menyamakan isu ini dengan persoalan Nabi yang diperlihatkan pada malam Lailah al-Qadar dan persoalan asal Salb al-Umum iaitu bukan semua penafian untuk mengetahui perkara ghaib merujuk kepada semua jenis dan makhluk. Mereka yang menerima isu cabang ini juga menyamakan isu ini dengan persoalan ilmu Allah tidak terhad.

Persamaan isu cabang ini dengan persoalan asal Nabi diperlihat pada malam Lailah al-Qadar dan persoalan asal Salb al-Umum adalah pada sudut perkara ghaib yang dirahsiakan oleh Allah pada kebanyakan makhluknya iaitu bukan pada semua makhluk. Kemunasabahan isu cabang ini dengan isu asal pertama adalah pada perkataan “mengetahui perkara ghaib” yang mana membawa kepada mentuhankan Nabi. Kemunasabahan isu cabang ini dengan asal kedua adalah pada realiti pengetahuan Nabi ketika Baginda hidup yang telah menunjukkan Baginda mengetahui perkara ghaib dan perkara pengetahuan perkara ghaib tidak melazimkan mentuhankan makhluk.



Rajah 1: Pecahan isu cabang Nabi mengetahui ilmu Lauh al- Mahfuz dan al-Qalam dan persamaannya dengan isu-isu asal.

Sumber: Analisis Pengkaji


Berdasarkan kepada rajah di atas, dapat digambarkan secara ringkas persamaan isu cabang dengan tiga isu-isu asal yang telah dibincangkan di dalam perenggan yang lepas. Setiap satu daripada persamaan tersebut mempunyai wasfu yang menghubungkan di antara isu cabang dan isu asal.

Qias al-Shabah Isu Memuji Dengan Perkataan “Al-Madad”

Isu cabang Memuji Nabi dengan perkataan al-Madad diqiaskan dengan dua isu asal yang utama. Isu asal yang pertama adalah persoalan perkataan pertolongan adalah mutlak hanya kepada Allah. Mereka yang menolak cabang ini mengambil asal ini kerana mereka menghukumkan perbuatan meminta pertolongan dengan lafaz al-Madad adalah syirik. Persamaan isu cabang ini dengan isu asal persoalan perkataan pertolongan adalah mutlak hanya kepada Allah, adalah pada sudut meletakkan lafaz pertolongan pada makhluk yang mana lafaz tersebut adalah hak mutlak Allah. Kemunasabahan isu cabang ini dengan isu asal adalah pada lafaz al-Madad yang mempunyai maksud yang berat kepada meminta pertolongan.

Isu ini juga diqiaskan dengan isu asal persoalan makna al-Madad yang bermaksud tawassul. Mereka yang menerima isu cabang ini akan mengambil asal ini. Persamaan isu cabang ini dengan isu asal persoalan makna al-Madad yang bermaksud tawassul adalah pada sudut adat manusia yang beriman apabila meminta pertolongan, bukan meminta pertolongan secara zat makhluk secara terus akan tetapi secara maksud perantaraan. Kemunasabahan isu cabang ini dengan isu asal persoalan adalah pada sudut maksud al-Madad yang membawa nisbah maksud tawassul.

Kesimpulannya, nisbah maksud “pengetahuan Nabi terhadap perkara ghaib” bukanlah nisbah keseluruhan akan tetapi nisbah yang tidak sempurna. Hal ini kerana terdapat maksud lain di dalam kenyataan tersebut iaitu dengan maksud ilmu yang diberitahu atau ilmu yang dimulai dengan tiada. Begitu juga di dalam isu cabang kedua, tidak membawa satu maksud. Ia juga membawa maksud pertolongan mutlak dan pertolongan secara terikat iaitu dengan maksud perantaraan. Maka, sesiapa yang memahami sesuatu isu dengan dua wajah umum ini, akan mudah berlapang dada. Isu ini juga sebenarnya mempunyai perkaitan dengan isu tauhid rububiyah yang dipegang oleh kedua-dua pihak.



Rajah 2: Pecahan isu cabangan memuji Nabi dengan perkataan al-Madad dan persamaannya dengan isu-isu asal.

Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan kepada rajah di atas, dapat digambarkan secara ringkas persamaan isu cabangan dengan dua isu-isu asal yang telah dibincangkan di dalam peranggan yang lepas. Setiap satu daripada persamaan tersebut mempunyai wasfu yang menghubungkan di antara isu cabangan dan isu asal.

Peranan Qias Shabah di dalam Isu Memuji Nabi

Peranan Qias al-Shabah yang dapat dikeluarkan daripada pengimplementasian isu berlebihan pujian ke atas Nabi adalah seperti berikut:

- 6.1- Punca khilaf yang berlaku dapat diperincikan dan lebih menepati titik yang sebenar berlaku. Sebagai contoh di dalam mengatakan Nabi mengetahui alam ghaib seperti lauh al-Mahfuz. Setelah diimplementasikan isu ini dengan instrumen Qias al-Shabah, maka didapati bahawa punca khilaf adalah pada ukuran pengetahuan terhadap perkara ghaib yang dimaksudkan oleh setiap pihak. Pihak yang melarang untuk mengatakan dengan kenyataan ini akan mengatakan bahawa ilmu ghaib hanya diketahui oleh Allah secara mutlak. Mereka yang menerima isu ini pula mengatakan bahawa ilmu ghaib itu juga diketahui oleh Nabi, akan tetapi pengetahuan makhluk tidak sama dengan pengetahuan tuhan.
- 6.2- Mengetahui titik persamaan di antara dua pihak iaitu dibolehkan untuk memuji Nabi selagi mana tidak mencapai kepada had mentuhankan Nabi.
- 6.3- Isu permintaan pertolongan dengan lafaz al-Madad tidak melazimkan mentuhankan Allah.
- 6.4- Dapat menegaskan bahawa isu membolehkan menggunakan lafaz al-Madad kepada Baginda Nabi bukanlah disebabkan oleh menyalahi hukum syarak. Namun ia adalah disebabkan oleh perbezaan sudut pandang dalam memahami isu dan dalil.

RUJUKAN

al-Quran

al-Hadith

Taqiuddin al-Subki dan anaknya Taj al-Subki, al-Ibhaj Sharh al-Minhaj, ed. Sha'ban Muhammad Ismail (al-Qahirah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyah, 1981).

Zakariya Bin Muhammad Bin Ahmad Bin Zakariya al-Ansari, Ghayah al-Wusul Fi Sharh Lub al-Usul (Misr: Dar al-Kutub al-'Arabiah al-Kubra).

Abu Bakar bin Mas'ud bin Ahmad al-Kasani, Badai' al-Sanai' Fi Tartib al-Sharai', ed. 'Ali Muhammad Mu'awwadh dan 'Adil Ahmad 'Abd al-Maujud, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 2003).

Syamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syirbini al-Shafi'i, Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 2000).

Malik bin Anas bin Malik Bin 'Amir al-Asbahi al-Madani, Muwatta' al-Imam Malik, ed. Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi, (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1985).

Muhammad 'Othman Shubair, al-Mu'amalat al-Maliyah al-Mu'asirah Fi al-Fiqh al-Islami ('Amman: Dar al-Nafais, 2007).

Abu Muhammad Mahmud Bin Ahmad Badruddin al-'Aini al-Hanafi, al-Binayah Sharh al-Hidayah (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 2000).

al-Ramli, "Nihayah al-Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj".

Sa'ad bin Turki al-Khaslan, Fiqh al-Mu'amalat al-Maliyah al-Mu'asirah (Riyad: Dar al-Sumai' Li al-Nasyr Wa al-Tauzi', 2012).

Al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", 4: 167 (Kitab Ahadith al-Anbiya', Bab Qaul Allah {Wadhkur Fi al-Kitab Maryam Idhi Intabazat Min Ahliha}, No. 3445).

Abd al-Ghani bin Isma'il al-Nablusi, "Nafhat al-Azhar 'Ala Nasamat al-Ashar Fi Madh al-Nabi al-Mukhtar", ed. Ahmad Farid al-Mazidi, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, t.t).

Mahmud Salim Muhammad, "al-Mada'ih al-Nabawiyah Hatta Nihayah al-'Asr al-Muluki" (Dimasyq: Dar al-Fikr, 1417).

Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, ed. Shu'aib al-Arnaut-'Adil Murshid, et al., (t.t.p: Muassasah al-Risalah, 2001), 4:409 (Musnad 'Abdullah bin al-'Abbas bin Abd al-Muttalib 'An al-Nabi Sallallahu'alahi wasallam, no. 2669).

Ahmad Ibn Taimiah al-Harani, "Majmu' al-Fatawa", ed. Abdurrahman bin Muhammad.

Isma'il bin 'Abd al-Ghani bin Waliyullah bin Abdurrahim al-Dahlawi, "Risalah al-Tauhid al-Musamma Bi Taqwiyah al-Iman", ed. Syed Abd al-Majid al-Ghuri, (Dimasyq: Dar Wahy al-Qalam, 2003).

Abu Daud Sulaiman bin al-Ash'ath, "Sunan Abi Daud", ed. Shu'aib al-Arnaut, 7:184 (Kitab al-Adab, Bab Fi Karahiyah al-Tamadih, no. 4806).

Muslim al-Naisaburi, "al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar", 4:2217 (Kitab al-Fitan Wa 'Ashrat al-Sa'ah, Bab Ikhbar al-Nabi sallallahu'alahi wasallam Fima Yakunu Ila Qiam al-Sa'ah, No. 2891).

Shihabuddin Ahmad bin Muhammad bin 'Ali bin Hajar al-Haitami, al-Minah al-Makkiyah Fi Sharh al-Hamziyah (Beirut: Dar al-Minhaj, 2005), 69.

Laman sesawang

- Geng Muslim, “Sebutan 'Madad Ya Rasullullah' (Bantulah Kami Ya Rasulallah) - Dr. Maza”, laman sesawang Youtube, dimuatkan pada 31 Ogos 2018, diakses pada 11 Ogos 2022
- Congress of Ahlul Sunnah, “Dr. Rozaimi Ramle - Hukum al-Madad, Fatwa Sheikh ‘Abdul Malik as-Sa’di”, laman sesawang Youtube, dimuatkan pada 21 Oktober 2015, diakses pada 11 Ogos 2022,
<https://www.youtube.com/watch?v=ZzaxIwEDmNM>.
- Muhaizad Official, “Aghisna Ya Rasulallah SYIRIK? - Muhaizad Muhammad”, laman sesawang Youtube, dimuatkan pada 3 Jun 2021, diakses pada 11 Ogos 2022,
https://www.youtube.com/watch?v=VWzu_2wQzc4.
- Prof Hamka, “Maulana Asri : Fenomena Madad Ya Rasulallah”, laman sesawang Youtube, dimuatkan pada 7 November 2014, diakses pada 11 Ogos 2022,
<https://www.youtube.com/watch?v=-OVXULn4vDk>.
- Al-Riyasah al-`Ammah Li Idarah al-Buhuth al-`Ilmiah Wa al-Ifta' Wa al-Dakwah Wa al-Irshad, “Fi Hukm al-Ihtifal Bi al-Mawalid al-Nabawiyah Wa Ghairiha”, laman sesawang Binbaz, diakses pada 22 Ogos 2022,
<https://binbaz.org.sa/fatwas/20/%D9%81%D9%8A-%D8%AD%D9%83%D9%85-%D8%A7%D9%84%D8%A7%D8%AD%D8%AA%D9%81%D8%A7%D9%84-%D8%A8%D8%A7%D9%84%D9%85%D9%88%D8%A7%D9%84%D8%AF-%D8%A7%D9%84%D9%86%D8%A8%D9%88%D9%8A%D8%A9-%D9%88%D8%BA%D9%8A%D8%B1%D9%87%D8%A7>.
- Fatawa Nur `Ala al-Darb, “Hukmu al-Qasaid Allati Fiha Mad al-Nabi sallallahu `alaihi wasallam”, laman sesawang bin Othaimen, diakses pada 22 Ogos 2022,
<https://binothaimen.net/content/6738>.
- معنى قول البوصيري رحمه الله: ومن علومك Dr. ‘Abdul kader Al Housien, “علم اللوح والقلم”, laman sesawang Youtube, dimuatkan pada 9 Februari 2018, diakses pada 22 Ogos 2022, https://www.youtube.com/watch?v=UmVk_xXrTgo.
- Ahmad Sharif al-Na’san, “Fainna Min Judika al-Dunia Wa Darrataha”, laman sesawang Ahmad Na’san Sharif, dimuatkan pada 30 Januari 2017, diakses pada 23 Ogos 2022,
https://www.naasan.net/index.php?page=YWR2aXNvcnk=&op=ZGlzcGxheV9hZHZpc29yeV9kZXRhaWxzX3U=&advisory_id=NzgzNw==&lan=YXI=.
- Mukhtar Muhsin al-Azhari, “Daf`u al-Shubuhah (4) Fa Inna Judaka al-Dunia Wa Darrataha”, laman sesawang Blogspot, diakses pada 23 Ogos 2022, <https://m-almored.blogspot.com/2017/03/4.html>.
- Amal Sami, “‘Ali Jum`ah Yarud `Ala Man Yattahim Ba’d Abyat Burdah al-Busiri Bi al-Shirkiyyah: Faqadu al-Ta`ammuq Fi al-Lughah”, laman sesawang Misrawi, dimuatkan pada 6 Mei 2022, diakses pada 23 Ogos 2022,
<https://www.masrawy.com/islamayat/fatawa-other/details/2022/5/6/2220125/%D8%B9%D9%84%D9%8A-%D8%AC%D9%85%D8%B9%D8%A9-%D9%8A%D8%B1%D8%AF-%D8%B9%D9%84%D9%89-%D9%85%D9%86-%D9%8A%D8%AA%D9%87%D9%85-%D8%A8%D8%B9%D8%B6-%D8%A3%D8%A8%D9%8A%D8%A7%D8%AA-%D8%A8%D8%B1%D8%AF%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%A8%D9%88%D8%B5%D9%8A%D8%B1%D9%8A-%D8%A8%D8%A7%D9%84%D8%B4%D8%B1%D9%83%D9%8A%D8%A9>

[%D9%81%D9%82%D8%AF%D9%88%D8%A7-%D8%A7%D9%84%D8%AA%D8%B9%D9%85%D9%82-%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D9%84%D8%BA%D8%A9.](#)

Ibn Baz, “Hukum Talab al-Madad Min al-Rasul”, laman sesawang BinBaz, diakses pada 24 Ogos 2022, <https://binbaz.org.sa/fatwas/2071/%D8%AD%D9%83%D9%85-%D8%B7%D9%84%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%AF%D8%AF-%D9%85%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%B1%D8%B3%D9%88%D9%84>.

Rabitah al-Ulama al-Suriyin, “Hukmu Qaul: Madad Ya Sayyidi Ya Rasulallah”, laman sesawang Islamsyria, dimuatkan pada 28 November 2019, diakses pada 24 Ogos 2022, <https://islamsyria.com/ar/%D8%AD%D9%83%D9%85-%D9%82%D9%88%D9%84-%D9%85%D8%AF%D8%AF-%D9%8A%D8%A7-%D8%B3%D9%8A%D8%AF%D9%8A-%D9%8A%D8%A7-%D8%B1%D8%B3%D9%88%D9%84-%D8%A7%D9%84%D9%84%D9%87/%D8%A7%D9%84%D9%81%D8%AA%D8%A7%D9%88%D9%89>.

Sada al-Balad, “Hal Yajuz Annaqul Madad Ya Rasulallah? Al-Ifta Tujib”, laman sesawang Elbalad, dimuatkan pada 3 Jun 2021, diakses pada 24 Ogos 2022, <https://www.elbalad.news/4838729#:~:text=%D9%88%D9%82%D8%A7%D9%84%20%D8%A7%D9%84%D8%B4%D9%8A%D8%AE%20%D8%B9%D9%88%D9%8A%D8%B6%D8%A9%20%D8%B9%D8%AB%D9%85%D8%A7%D9%86%20%D8%A3%D9%85%D9%8A%D9%86,%D8%A7%D9%84%D9%86%D8%A8%D9%8A%20%D8%B5%D9%84%D9%89%20%D8%A7%D9%84%D9%84%D9%87%20%D8%B9%D9%84%D9%8A%D9%87%20%D9%88%D8%B3%D9%84%D9%85>.